

'Beri bantuan ikut keperluan penduduk Gaza'

Kaherah: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan pertubuhan di Malaysia yang tidak berdaftar, tidak telus dan tidak memiliki akaun teratur supaya tidak mengutip derma bagi tujuan kebajikan penduduk Gaza kerana ia akan merugikan masyarakat yang memerlukan di sana.

Perdana Menteri turut menasihatkan pasukan sukarelawan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari Malaysia yang ingin menyalur bantuan kepada mangsa kekejaman rejim Israel di Gaza supaya berbuat demikian berasaskan keperluan penduduk.

Mengakui niat NGO dan pasukan sukarelawan berkenaan baik, beliau berkata, perbincangan dengan pihak berkaitan perlu dibuat sebelum menyalurkan bantuan bagi memastikan bantuan itu benar-benar bermanfaat kepada mangsa.

"Jangan beli ikut selera kita. Ini masalah badan yang menganjurkan, niatnya baik, tetapi kadang-kadang yang dibeli itu orang tidak perlukan atau dia tentukan. Tidak boleh, kita kena dengar sendiri apa yang orang Gaza mahu.

"Jika ubat pun, ada beberapa jenis, mesti ada label yang betul. Jadi, ada beberapa kaedah yang harus dipatuhi. Makanan begitu

juga, mereka tiada upaya memasak, jadi (perluan) makanan siap, dalam tin. Ada yang beri maklumat, jika mi segera, mereka tak makan.

"Jadi dalam hal ini, jangan beli sehingga kita tahu (apa rakyat Gaza perlukan)," katanya pada sidang akhbar bersama wartawan Malaysia pada akhir lawatan kerja dua harinya ke Mesir, malam kelmarin.

Anwar berkata demikian sebagai mengulas pertemuannya dengan Presiden Persatuan Bulat Sabit Merah (PBSM) Mesir, Dr Ramy el-Nazer yang turut dihadiri Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan Duta Besar Malaysia ke Mesir, Zamani Ismail.

Mengulas bantuan pakaian kepada masyarakat Gaza, Anwar berkata, kerajaan Malaysia akan menghantar keperluan berkenaan menggunakan pesawat ke Mesir sebelum menyerahkannya kepada PBSM untuk dihantar ke Gaza.

"Saya sebut dengan Presiden Mesir, Abdel Fattah el-Sisi, kita minta keizinan Kerajaan Mesir dan beliau sudah memberi pengakuan untuk menyegerakan kelulusan (penghantaran bantuan) dan memindahkan kepada PBSM atau badan lain yang kita iktiraf," katanya. BERNAMA

